

Sistem Sekolah dan Cabaran dalam Pembangunan Belia Negara: Satu Penelitian Terhadap Konsep Kerja Sosial di Sekolah²

AMNA MD. NOOR

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan mengenai peranan sekolah dalam pembangunan belia bagi melahirkan rakan kongsi dan kepimpinan masa depan negara yang berpotensi tinggi. Perbincangan adalah mengenai peranan sekolah dan bagaimana satu 'seting' perkhidmatan kerja sosial iaitu kerja sosial sekolah (school social work) boleh diperkasa bagi merealisasikan falsafah pendidikan negara dan mencapai objektif pendidikan. Huraian dibuat berdasarkan peranan sekolah, konsep kebajikan dalam praktis kerja sosial sekolah serta cabaran semasa masalah di sekolah. Kesimpulan dari perbincangan menjelaskan bahawa adalah penting untuk segera memperkasakan sekolah bagi menjamin kelahiran belia berpotensi tinggi sebagai rakan pembangunan negara. Penambah baikkan pada sistem sekolah dan proses pendidikan yang bakal dilalui oleh semua belia negara perlu sentiasa dilakukan seiring dengan perubahan dalam masyarakat dan mengambil kira proses globalisasi yang berlaku secara semula jadi.

Kata kunci: Kerja Sosial Sekolah, Pembangunan Belia, Sistem Sekolah

ABSTRACT

This paper discusses the role of schools in youth development towards preparation of highly potential partners and the future leadership for the country. The discussion also include the role of schools and how school social work services can be use to realize national educational philosophy and achieve educational objectives. The argument is made based on the role of the school, the concept of welfare in the school social work practice and the current challenges in school. The conclusion of the discussion explaining that is important to take immediate action to strengthen the school to ensure the delivery of highly potential youth as country development partner. Enhancement of the school system and educational process which is will experience by all youth should be done

*in conjunction with changes in society. Changes in society should consider the globalization process which is occurring naturally.*²

Key Words: *School Social Work, Youth Development, School System*

PENGENALAN

Menjelang abad ke-21, sistem pendidikan negara Malaysia telah berkembang pesat selari dengan kemajuan negara. Antara aspirasi murni sistem pendidikan negara ialah untuk merealisasikan konsep Malaysia sebagai satu bangsa.

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Kementerian Pelajaran Malaysia

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjelaskan tujuan dan matlamat pendidikan untuk individu dan negara. Kedua-dua tujuan selaras, iaitu untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab

² Kertas ini di adaptasi daripada kertas yang telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Kerja Sosial Dalam Pendidikan, 10-11 Mei, The University Inn, UUM Sintok bertajuk “Merealisasikan kerja sosial sekolah di Malaysia: Keperluan dan Cabaran”

yang juga akan menjadi seorang warganegara yang baik. Pendidikan merupakan proses asas dan utama untuk pembinaan insan yang baik, seimbang dan beretika. Falsafah ini juga melihat individu itu dalam beberapa lapisan pertalian atau perhubungan. Tujuan pendidikan bukan sahaja untuk pembangunan dan kesejahteraan diri individu tetapi juga untuk pembangunan dan kesejahteraan setiap lapisan yang mempunyai hubungan dengan individu berkenaan bermula dengan keluarga dan seterusnya meluas kepada masyarakat dan negara (Allen-Meares, 2007).

Pendidikan merupakan agenda utama bagi menentukan kesinambungan keunggulan sesuatu generasi. Melalui pendidikan, kesatuan bangsa, bentuk atau ciri individu dan jenis keterampilan yang sesuai untuk menjamin kesejahteraan sosial negara dan kualiti tamadun yang baik akan terhasil. Pendidikan merupakan wadah atau prasarana utama untuk membangunkan diri insan yang utuh, bebas, berdikari dan berfikiran kritis. Bagi mencapai matlamat ini sistem pendidikan perlu menitikberatkan perkembangan emosi, fizikal, sosial, rohani dan intelek para pelajar yang menjadi sasaran utama sistem ini. Dalam sistem pendidikan Malaysia peranan ini diterajui oleh sistem sekolah yang merupakan manifestasi umum dan juga merupakan elemen penting dalam proses sosialisasi sejak peringkat awal usia seseorang individu.

Setiap individu termasuk belia mempunyai potensi tinggi untuk menyumbang secara positif terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Kajian membuktikan kebanyakan mereka yang bermasalah adalah berkaitan dengan ketidakcukupan bimbingan dalam, menyerlahkan potensi diri mereka yang sebenar. Menurut Turiman dan rakan-rakan (2008), belia dengan bimbingan dan dorongan mampu menjadi rakan pembangunan negara yang baik. Perlu diingat bahawa bimbingan dan dorongan tersebut bukan hanya bersifat semasa, tetapi juga merangkumi proses persediaan setiap individu untuk menjadi seorang belia iaitu proses pembelajaran dan pendidikan yang mereka lalui.

Tidak dapat dinafikan bahawa sekolah merupakan institusi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pendidikan sosial. Menjadikan sekolah sebagai tempat menyalurkan pendidikan dan menyediakan perkhidmatan sosial yang boleh meningkatkan pembangunan diri ialah pendekatan yang berkesan dalam menghasilkan individu yang bertanggung jawab, bermoral dan boleh menangani masalah

sosial masyarakat. Dengan memberi penekanan kepada sekolah merupakan satu cara yang efektif dalam mengesan dan menangani masalah sosial masyarakat (Shusama, 1992; Amna, Asnarulkhadi, Rozumah, Abdullah, Rumaya, Mansur & Tan, 2003; Vetere & Carley (2007); Allen-Meares (2007)).

Kerja sosial sekolah merupakan satu bidang kerja sosial yang berkaitan dengan kanak-kanak serta remaja dan ianya boleh dipraktikkan dalam konteks Malaysia. Terdapat dua agensi yang terlibat secara langsung dalam konteks kerja sosial sekolah di Malaysia iaitu Perkhidmatan Pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia) dan Perkhidmatan Sosial (Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat). Untuk menjalankan amalan kerja sosial di sekolah, kedua-dua perkhidmatan atau kementerian ini perlu bekerjasama menggembelng tenaga untuk melaksanakan program serta aktiviti yang dibentuk. Kerjasama yang dimaksudkan di sini ialah sebagaimana amalan yang dijalankan dalam bidang kesihatan oleh Kerja Sosial Perubatan (medical social work) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, di mana kedua-dua unit ini masing-masing memainkan tugas dan tanggungjawab tersendiri dalam meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat. Di atas kertas, kerjasama ini nampaknya begitu mudah tetapi secara realitinya ia merupakan satu cabaran yang besar terutamanya bagi bidang kerja sosial di Malaysia.

Kertas ini akan membincangkan mengenai peranan institusi sekolah secara umum dan bagaimana bidang kerja sosial sekolah dapat membantu peranan sekolah untuk menjana individu dan belia yang berpotensi tinggi sebagai rakan pembangunan negara. Huraian akan dibuat berdasarkan peranan sekolah, peranan dan keperluan pekerja sosial sekolah dan cabaran yang wujud di Malaysia dalam merealisasikan praktis kerja sosial di sekolah. Beberapa kajian yang telah dijalankan di Malaysia akan dijadikan rujukan dalam mengupas isu ini.

PERANAN SEKOLAH DALAM PROSES SOSIALISASI INDIVIDU

Sekolah adalah institusi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan seseorang individu. Prinsip utama sekolah ialah untuk memenuhi

keperluan peribadi dan sosial seseorang pelajar bagi membolehkan mereka memainkan peranan dalam kehidupan. Antara fungsi sekolah ialah untuk mensosialisasikan pelajar serta meningkatkan kesejahteraan sosial mereka.

Dalam memerihalkan masalah disiplin pelajar sekolah yang dikatakan meruncing dalam masyarakat Malaysia terdapat beberapa kajian telah dijalankan, antaranya ialah kajian oleh Rozumah, Abdullah, Rumaya, Asnarulkhadi, Amna, Mansur & Tan (2003). Antara persoalan kajian ini ialah apakah jenis dan pola salah laku dalam kalangan pelajar sekolah?; Apakah profil pelajar, keluarga dan proses keluarga pelajar yang terlibat dalam salah laku di sekolah?; Bagaimanakah iklim sekolah yang mencakupi budaya, sistem disiplin serta praktis dan dasar kementerian yang mendorong atau menghindar salah laku pelajar?; Apakah ciri sekolah yang boleh dianggap sebagai penyumbang kepada kegiatan salah laku?; Sejauh manakah sistem sokongan sosial memainkan peranan dalam menangani kejadian salah laku? Kajian ini menjelaskan perhubungan yang unik antara beberapa sub sistem yang menjadi pendorong kepada salah laku dalam kalangan pelajar sekolah.

Kerangka konseptual oleh Rozumah et al. (2003) ini menceritakan bahawa proses pendidikan yang berlaku dalam sistem kita adalah sesuatu yang kompleks, pelajar sekolah merupakan *focal point* atau elemen utama dalam sistem. Rajah 1 turut menjelaskan aspek sekolah merupakan salah satu elemen penting dalam ekologi atau sistem pelajar di mana ianya melibatkan budaya sekolah, sistem sekolah, ciri sekolah dan sistem sokongan sosial termasuk perkhidmatan yang disediakan di sekolah.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Salah Laku Pelajar



Sumber: Rozumah et al. (2003), muka surat 6

Budaya atau iklim sekolah memerihalkan tentang hubungan antara pelajar-pelajar, pelajar dengan guru, serta guru dengan ibu bapa. Sistem sekolah pula memerihalkan sistem disiplin (kejelasan, ketegasan tindakan, penguatkuasaan dan pelaksanaan peraturan serta panduan), faktor guru, keselamatan pelajar, kerjasama antara badan disiplin dan sistem kaunseling (kaunselor sekolah). Sistem sokongan sosial merujuk kepada kewujudan, kefungsiannya dan keberkesanan peranan sistem yang berkaitan dan menyumbang kepada pembangunan pelajar dan sekolah (contoh, PIBG, polis dan komuniti) manakala ciri sekolah pula merujuk kepada jenis, lokasi, infrastruktur, nisbah guru pelajar dan populasi sekolah.

Melihat pada peringkat kitaran hidup, pelajar sekolah keseluruhannya terdiri daripada dua peringkat iaitu peringkat kanak-kanak dan remaja. Kedua-dua peringkat ini merupakan peringkat yang paling penting dalam pembentukan individu baik dari segi fizikal mahupun psikososial. Terutamanya perubahan dalam alam remaja, kerana dunia yang dimasuki oleh remaja adalah semakin kompleks (Ribbins, 1985; Ma'rof & Haslinda 2004). Pakar psikologi sepakat mengatakan bahawa alam remaja merupakan satu tahap kritikal dalam kehidupan. Pengalaman perubahan fizikal remaja adalah sangat penting, perubahan dalam sistem endokrin, *pituitary* dan kelenjar 'sex' menyebabkan penghasilan hormon yang merangsang dan mengawal bukan saja pembesaran tetapi juga tindak balas emosi dan motivasi sehinggalah perubahan itu stabil dan menjadi seimbang pada satu peringkat umur. Sehingga peringkat seimbang ini dicapai remaja akan berperangai terlalu mengikut perasaan (*moodiness*), keadaan emosi yang tidak menentu (*emotional out burst*), cepat marah (*extreme irritability*), sensitif dan sentiasa berubah-ubah (Thomas, 1979; Thornton, 1987; Ma'rof & Haslinda 2004).

Dalam sistem sekarang pihak sekolah telah diberi tanggungjawab yang besar untuk menangani permasalahan disiplin dan sosial ini, di mana permasalahan pelajar sekolah ditangani oleh pihak sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran dengan norma-norma disiplin yang tersendiri. Tanggungjawab ini antaranya dilaksanakan dengan menjalankan beberapa program seperti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, penempatan guru-guru disiplin, program pembimbing rakan-sebaya, sekolah penyayang, sistem mentor-mentee, perhimpunan sekolah, perkhemahan integrasi ketua murid, Program pendidikan moral KBSM, kempen ke sekolah dan beberapa pendekatan bersepadu lain (Amiruldin, 1990; Wan Halim, 1992; Zuraidah, 1990; Rozumah et al., 2003; Asnarulkhadi, Rozumah, Abdullah, Rumaya, Mansor, Amna, Tan., 2003).

Sehingga kini keberkesanan program-program yang dijalankan di Malaysia ini masih menjadi tanda tanya. Pendekatannya yang meletakkan guru-guru sebagai tenaga penggerak utama masih menjadi isu perbincangan. Guru-guru terlatih untuk memberi ilmu dalam bidang akademik dan disedari bahawa tanggungjawab ini sudah cukup membebankan. Wujud persoalan mampukah lagi mereka mengambil tanggungjawab sepenuhnya menangani masalah sosial pelajar? Perlu difahami jika ada pun antara mereka yang berinisiatif tinggi untuk turut serta memikul tanggungjawab

sosial ini mereka hanya mampu mengambil tindakan dalam bidang tugas mereka sebagai pendidik sahaja. Ini dilakukan dengan limitasi dari segi keperluan peribadi dan kemasyarakatan yang perlu mereka penuhi.

Satu perkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah, dalam menangani masalah sosial kita memerlukan kemahiran khusus yang perlu dipelajari dan dihayati secara profesional umpamanya dalam bidang kerja sosial. Menurut Zastrow (2006), setiap profesion yang memberi perkhidmatan kepada individu mempunyai batasan tersendiri. Ini berlaku kerana sistem kehidupan individu adalah sesuatu yang kompleks, sebagai contoh bidang perubatan akan menumpu khas kepada penyembuhan penyakit dan bidang pendidikan menumpu khas kepada penyampaian ilmu di bilik-bilik darjah dan kaedah pengajaran yang berbentuk pedagogi. Guru-guru di sekolah terlatih secara profesional untuk memberi ilmu di bilik-bilik darjah dan mereka tidak dilatih secara profesional untuk menangani masalah sosial. Satu-satunya bidang pendidikan guru yang menjurus kepada kemahiran ini ialah bidang bimbingan dan kaunseling.


Perkembangan terkini dalam pendidikan negara menyaksikan berlaku penglibatan multisektoral di mana selain sekolah kerajaan terdapat juga sekolah-sekolah swasta dan sekolah yang dijalankan oleh pihak NGO's (Badan Bukan Kerajaan) dalam sistem pendidikan negara. Dalam masa yang sama dalam dasar sosial negara juga wujud satu dasar yang memperakui kepentingan untuk menjana perkongsian bijak berlandaskan multisektoral ini.

Di samping sekolah yang bertindak secara langsung dalam menangani masalah sosial ini ada satu lagi institusi sosial yang sama-sama bertanggung jawab dalam permasalahan remaja dan pelajar sekolah iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat yang kini bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Perkhidmatan ke sekolah-sekolah ini dijalankan oleh Bahagian Kebajikan Sekolah. Bahagian ini di satukan dengan Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak. Antara lain klasifikasi masalah yang ditangani oleh bahagian ini ialah masalah ponteng sekolah, keciciran, kesulitan pelajar menyesuaikan diri di rumah dan di sekolah, tidak terkawal oleh guru dan ibu bapa/penjaga, penyalahgunaan dadah, kelakuan anti sosial, kes pelajar yang di seksa dan lain-lain (meliputi masalah aniaya seksual, hak penjagaan, pembelajaran terbiar, kemiskinan keluarga dan bantuan cermin mata).

KEBAJIKAN SOSIAL DAN PROFESION KERJA SOSIAL

Matlamat Kerja Sosial dalam sistem pendidikan ini juga dapat dikaitkan dengan matlamat kebajikan sosial secara keseluruhan iaitu untuk memenuhi keperluan sosial, kesihatan dan rekreasi setiap individu dalam masyarakat serta meningkatkan kefungsi sosial semua kumpulan umur tidak kira miskin atau kaya. Perkhidmatan kebajikan masyarakat amat diperlukan jika institusi sosial dalam masyarakat seperti institusi ekonomi dan keluarga tidak dapat berfungsi untuk memenuhi keperluan individu atau kumpulan dalam masyarakat tersebut.

Rajah 2: Contoh Kumpulan Profesional Yang terdapat dalam Bidang Kebajikan Sosial. Zastrow (2007)



Perkhidmatan dalam kebajikan sosial melibatkan berbagai profesion yang menyumbang kepada kebajikan sosial secara menyeluruh. Menurut Zastrow (2007), (rujuk rajah 2), antara profesion yang menyumbang kepada bidang kebajikan sosial ialah 'psychiatrists, 'psychologist', perancang bandar, 'physician', guru, 'recreational therapists', peguam, jururawat dan pekerja sosial.

Jika dikaitkan dengan kebajikan sosial di sekolah, antara yang terlibat secara langsung ialah sistem sekolah dan institusi yang berada di sekitarnya. Sistem sekolah terdiri daripada pentadbir, unit kaunseling, persatuan ibu bapa dan unit disiplin. Manakala institusi sosial yang berkait dengannya ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (Unit Kebajikan Sekolah), polis, jabatan kesihatan, hospital, pentadbir daerah (pejabat daerah), mahkamah, ahli politik dan juga masyarakat setempat. Pendekatan ini dikenali sebagai “*multi disciplinary approach*” yang begitu penting dalam setiap perkhidmatan manusia.

Menurut Vetere (2006), pada bila-bila masa dalam sistem kerja sosial sekolah, pekerja sosial di lapangan (*frontline social work staff*) boleh dipanggil untuk menyokong keluarga yang berada dalam krisis yang amat memerlukan bantuan. Contohnya dalam keadaan kesedihan, kehilangan punca pendapatan, kematian yang tragik dan pelbagai keadaan yang selalunya akan menambah bebanan kes yang perlu ditangani oleh pekerja sosial sekolah.

“One of the fundamental principles of social work practice is ‘to link people with systems that provide them with resources, services, and opportunities’”

(Baer & Federico, 1978, m.s 68).

Pekerja sosial menjalankan intervensi dan menjadi ‘mediator’ antara individu dengan persekitaran mereka iaitu dengan membantu menyedarkan mereka tentang potensi yang wujud dalam diri mereka bagi mengatasi kesulitan hidup. Selain dari itu, mereka juga membantu membentuk strategi pencegahan dengan membuang sebarang halangan yang muncul dalam kehidupan mereka (Vetere, 2006).

Helper (1989), menyatakan bahawa persekitaran sekolah memainkan peranan utama dalam pembangunan sosial kanak-kanak. Dari itu mereka yang memberi pertolongan kepada kanak-kanak mesti kerap berinteraksi dengan sistem sekolah. Memandangkan sekolah merupakan sistem yang besar ia memerlukan pekerja sosialnya sendiri yang bertindak sebagai orang perantaraan dengan sistem-sistem yang lain.

Di Malaysia, sistem pembelajaran yang ada menyebabkan setiap individu menghabiskan satu pertiga dari usia mereka di sekolah, bermula dengan pendidikan pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepas menengah dan pendidikan tinggi (Peruntukan Utama Rang Undang-undang Pendidikan 1995, Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia 1995). Mulai tahun 1995 tempoh setiap individu mengikuti pengajian di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Malaysia telah bertambah dari 9 tahun kepada 11 tahun (Dasar dan keputusan penting sepanjang 1995, Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia 1995). Dalam perutusan terkini Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak (2010), telah menyarankan bahawa selain dari 11 tahun tersebut, kerajaan kini dalam proses untuk mewajibkan pendidikan pra sekolah dan ini menjadikan tempoh wajib persekolahan bagi semua penduduk Malaysia ialah 12 tahun.

Berdasarkan jangka masa persekolahan ini jelas kepada kita sistem sekolah dan proses yang berlaku di dalamnya adalah sama penting dengan sistem keluarga dan masyarakat bagi seseorang individu. Dari itu kita harus akui peri pentingnya menjadikan sistem sekolah benar-benar dapat memberikan kesan positif dalam perkembangan diri seseorang individu. Jika terdapat kekurangan ianya perlu segera dibaiki dan penggunaan ruang serta sumber yang sesuai perlu dititik beratkan di sekolah. Membincangkan mengenai peranan pekerja sosial sekolah kita harus kembali merujuk peranan asas praktis kerja sosial itu sendiri iaitu falsafah yang memberi keutamaan kepada peningkatan kefungisian sosial individu, kumpulan dan komuniti.

Objektif kerja sosial di sekolah adalah selari dengan objektif kerja sosial secara umum. Objektif kerja sosial yang telah digariskan menjelaskan bahawa tujuan kerja sosial ialah untuk memperbaiki atau mengembalikan kefungisian sosial individu dan masyarakat ke arah meningkatkan kesejahteraan sosial serta kualiti hidup. Klien kepada pekerja sosial boleh terdiri dari individu, keluarga, komuniti dan juga organisasi (Johnson & Yanca, 2003).

Dalam konteks yang lebih luas kerja sosial di sekolah berperanan untuk menyediakan perkhidmatan yang boleh membantu dan membentuk kanak-kanak atau pelajar yang berpotensi dari segi akademik dan juga sosial. Objektif sekolah sebagai institusi pendidikan juga perlu dicapai

oleh perkhidmatan kerja sosial di sekolah dan tujuan utama sekolah ialah untuk menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi membolehkan pelajar menyediakan diri selengkapnya untuk mengharungi kehidupan (Costin, 1992).

Satu sebab mengapa sekolah boleh menjadi saluran yang berkesan untuk memberikan perkhidmatan sosial ialah kerana organisasi ini di selenggarakan secara tersusun dan lengkap dengan rekod-rekod yang sentiasa dikemas kini. Janis (1984) mengulas bahawa menjadikan sekolah sebagai saluran memberi perkhidmatan dan pendidikan kesihatan adalah kerana sekolah merupakan tempat di mana kanak-kanak membentuk konsep penjagaan dan pencegahan serta perkhidmatan kesihatan, di samping itu sekolah dapat menguruskan penyimpanan rekod yang baik dan menyediakan seting yang ideal bagi mengesan masalah fizikal dan psikologi.

TUGAS DAN PERANAN PEKERJA SOSIAL DI SEKOLAH

Pekerja sosial sekolah bekerja dengan individu, keluarga, kumpulan, sekolah, komuniti dan sistem yang berkaitan dengan sekolah. Secara umumnya pekerja sosial membantu pihak sekolah dalam mengatasi masalah sosial yang mengganggu proses pembelajaran. Menurut Thackeray & Farley (2004) pekerja sosial boleh bekerjasama dengan pihak sekolah, guru dan profesion yang berkaitan bagi mencapai objektif pendidikan.

Fungsi dan peranan pekerja sosial di sekolah boleh dikaitkan dengan peringkat intervensi yang dilakukan. Fungsi pekerja sosial boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Perundingan (*consultancy*), Pengurusan Sumber (*Resource Management*) dan Pendidikan (*education*). Ketiga-tiga fungsi ini boleh wujud di kedua-dua peringkat intervensi iaitu peringkat mikro, dan peringkat makro (Thackeray & Farley, 2004).

Mereka juga boleh membantu klien mendapatkan sesuatu perkhidmatan yang berkaitan dengan penyelesaian masalah mereka. Pekerja sosial juga boleh berperanan sebagai '*facilitator*', iaitu dengan menjadi penunjuk cara kepada sesebuah organisasi seperti Persatuan Ibu bapa dan Guru untuk bergerak dengan lebih berkesan serta berkembang

dengan lebih cepat dan positif. Berperanan sebagai '*Planner*' iaitu dengan mengkoordinasi pembangunan program dan polisi sosial yang berkaitan dengan pembangunan sekolah dan pelajar melalui penyelidikan dan perancangan.

Dalam menjalankan fungsi pengurusan sumber pula pekerja sosial boleh berperanan sebagai '*Broker*' atau '*Advocater*' iaitu menjadi perantara antara pelajar atau ibu bapa dengan sumber yang berkaitan di dalam atau di luar sistem sekolah. Sebagai '*Convener*' atau '*Mediator*' iaitu dengan menghubungkan kumpulan atau organisasi dalam sekolah dengan jaringan pembangunan sumber di luar sistem sekolah. Berperanan sebagai '*Activist*' dengan merangsang perubahan yang positif dalam sistem sekolah melalui tindakan sosial. Berperanan sebagai '*Catalyst*' iaitu dengan merangsang perkhidmatan di peringkat komuniti di sekitar sekolah melalui aktiviti antara disiplin (*'interdisciplinary activist'*).

Dalam Fungsi Pendidikan pula pekerja sosial boleh memainkan peranan sebagai '*teacher*' iaitu menolong proses penyampaian maklumat dan mengenal pasti kumpulan yang memerlukan program pendidikan. Sebagai '*trainer*' dengan menujukcara atau mengajar melalui pembangunan kakitangan. Sebagai '*outreach worker*' dengan menyampaikan maklumat kepada masyarakat atau ibu bapa mengenai sesuatu isu sosial. Sebagai '*researcher*' atau '*scholar*' dengan melibatkan diri dalam pengumpulan maklumat melalui penyelidikan bagi memperoleh data terkini atau teknik-teknik baru dalam profesion kerja sosial.

Antara tugas penting yang boleh dimainkan oleh pekerja sosial sekolah ialah sebagai penghubung antara sekolah dan rumah dan di antara elemen sekolah dan institusi sosial yang lain. Aktiviti penghubung ini merupakan sesuatu yang penting dalam praktis kerja sosial di sekolah. Mc Affe (1987) menyatakan bahawa langkah untuk memperbaiki perhubungan dan komunikasi antara rumah dan sekolah adalah perlu bagi meningkatkan sokongan dan sumber kepada sekolah ke arah meningkatkan pencapaian akademik, tingkah laku serta kehadiran pelajar.

Keberkesanan pendekatan komunikasi antara rumah - sekolah ini boleh dilihat dari kajian oleh Marokie & Jones (1987), beliau mengulas bahawa pendekatan intervensi '*Home-school communication*' adalah hasil tindakan proaktif dari pihak pentadbir sekolah. Dalam kajian

yang dibuat ke atas pelajar yang mempunyai potensi untuk tercicir dari sekolah didapati mereka boleh terdiri daripada pemonteng yang kronik, pelajar berpencapaian akademik rendah, tidak lancar membaca dan mereka yang tidak melibatkan diri dalam extra kurikulum. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa mereka ini terdiri dari keluarga yang berlatar belakangkan sosioekonomi yang rendah dan mempunyai ibu bapa yang tidak menghargai pelajaran.

Marokie & Jones (1987) telah menjalankan satu program lawatan melalui pelawat rumah - sekolah (*'Home-school visitor'*), di mana telah dijalankan satu rancangan yang mengandungi 4 peringkat iaitu 1) Mengenal pasti kumpulan yang berpotensi untuk tercicir dibuat dengan kerjasama pekerja sosial dan kaunselor sekolah, 2) Menyenaraikan nama dan membuat lawatan serta temu bual susulan, 3) Membentuk program kemasukan semula kumpulan tercicir dan 4) Membuat analisa untuk mengenal pasti ciri-ciri kumpulan yang berisiko tinggi untuk tercicir. Keputusan atau hasil yang diperolehi dari program lawatan ke rumah ini didapati 57% dari pelajar yang dikunjungi telah berjaya dikekalkan di sekolah dan meneruskan pelajaran masing-masing.

Kajian Marokie ini merupakan contoh intervensi kerja sosial yang memainkan peranan sebagai *'mediator'* antara sekolah dan keluarga yang bermasalah. Dalam menjalankan intervensi ini peranan sebagai *'enabler'* juga dijalankan di mana pekerja sosial melakukan siri lawatan dan penasihat kepada ibubapa, keluarga dan pelajar yang bermasalah tersebut.

Membincangkan tugas dan peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial di sekolah, seseorang pekerja itu harus peka dan bersedia menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan dalam menangani masalah sosial kliennya. Menurut Tachery (2004), antara bidang tugas yang diliputi oleh perkhidmatan kerja sosial di sekolah ialah bekerja dengan sistem sekolah secara umum, mengaplikasikan pendekatan kerja kes, kerja kumpulan dan organisasi komuniti serta mengambil tindakan sewajarnya apabila sesuatu sistem gagal berfungsi.

Perkembangan semasa menunjukkan masalah sekolah sentiasa berubah, masyarakat dapat menyaksikan beberapa tugas baru yang turut dimainkan oleh pekerja sosial di sekolah seperti pencegahan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar (Schinke, Bebel, Mario

& Gilbert, 1988), menangani masalah '*violence*' di sekolah (Whitfield, 1999), masalah disiplin (Cameron, 2006) pencegahan tingkah laku agresif (Letendre, Hendry & Patrick 2003), hubungan komuniti dan sekolah (Vetere & Carley 2006) serta masalah pelajar dan keluarga tidak berumah (*homeless*) (Hernandez, Jozefowicz, & Israel, 2006).

Secara amnya dapat disimpulkan bahawa tugas pekerja sosial di sekolah adalah berbagai dan meliputi bidang yang luas dan bergantung kepada keperluan semasa dan secara umumnya tugas yang dijalankan ialah mengenal pasti pelajar yang memerlukan perkhidmatan, memberi perkhidmatan lanjutan kepada pelajar yang memerlukan, bekerjasama dengan kakitangan sekolah, merancang pendidikan kumpulan minoriti seperti pendidikan kanak-kanak cacat, bekerjasama dengan ibu bapa dan cuba bekerjasama dengan komuniti membentuk program-program sosial yang baru dan perbagai.

KESIMPULAN

Langkah memperkasakan sekolah bagi menjamin kelahiran belia berpotensi tinggi sebagai rakan pembangunan negara perlu diberi perhatian. Penambah baikkan pada sistem sekolah dan proses pendidikan yang bakal dilalui oleh semua belia negara perlu sentiasa dilakukan seiring dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat itu sendiri. Sistem pendidikan yang disediakan adalah perlu selari dengan perkembangan semasa serta proses globalisasi yang berlaku dalam masyarakat kini secara semula jadi.

Cabaran semasa dalam sistem sekolah yang wujud kini menjadi cabaran atau antara agenda yang perlu ditangani oleh perkhidmatan kerja sosial di sekolah andainya ianya dapat direalisasikan dalam masa terdekat ini. Daripada apa yang telah dibincangkan dalam kertas ini, jelas kepada kita bahawa perkhidmatan kerja sosial di sekolah adalah sangat penting dan ianya perlu segera dipertimbangkan untuk diwujudkan dalam sistem pendidikan negara.

RUJUKAN

- Allen-Meares, P. 2007. *Social Work Services in Schools*, (5th. Ed.). Boston: Allyn & Bacon
- Amiruldin, S., Mohd Salleh, M. & Mohd. Akhir, O. 1990. Pengurusan Program Bimbingan & Kaunseling, wawasan, Jilid 5/bil 3, 22-23
- Amna, M. N., Asnarulkhadi A. S., Rozumah, B., Abdullah A. H. M., Rumaya, J., Mansor, A. T., & Jo-Pei, T. 2003. *Sistem Sekolah dan Sosialisasi Pelajar*, Serdang; Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Asnarulkhadi A. S., Rozumah, B., Abdullah A. H. M., Rumaya, J., Mansor, A. T., Amna, M. N. & Jo-Pei, T. 2003. *Disiplin Pelajar Sekolah Rendah*, Serdang; Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Baer. B. L., & Federico, R.1978. *Educating the baccalaureate social worker*. Cambridge, MA; Ballinger
- Cameron, M. 2006. *Managing School Discipline and Implications for School Social Workers: A Review of the Literature*, Children & Schools Vol 28. No 4 October 2006
- Chiam Heng Keng. 1994. 'Trend permasalahan remaja masa kini (*Current trend in adolescents problems*)'. Paper presented in Seminar Remaja Masa Kini, 5-6 Ogos 1994, Kuala Lumpur. Anjuran Puspanita dengan kerjasama kementerian perpaduan negara dan pembangunan masyarakat serta kementerian pendidikan.
- Chiam Heng Keng.1992. 'A caring society: The family as foundation - family development in the context of child development', *Caring society: Emerging issues and future directions*, selected papers from the first national conference on the caring society, K.L, Malaysia Dec. 5-6,1990. Kuala Lumpur: ISIS, Setiakawan Printers. (3-18)
- Chiam Heng Keng. 1993. 'Juvenile delinquency: Trends, problems and causes'. Paper presented at the Seminar on Juvenile delinquency on 11-13 May 1993, Kuala Lumpur. Seminar organized by the Malaysian Crime Prevention Foundation Department of Social Welfare and the Royal Police Force.
- Constable, R, and Walberg, H. 1988. *School Social Work: Facilitating Home, School, and Community Partnerships*. *Urban Education* 1988; 22; 429
- Costin, L.B. 1992. "Schools Social Work". In A. Minahan (Eds) *Encyclopedia of social work* (23rd ed.). Silver Spring, Md; National Association of social workers, vol. 11, pp 125-135.

- Cummins, L. & Sevel, J. 2006. *Social Work Skills Demonstrated*. New York: Pearson Education Inc.
- Edwards, R. L. (Ed.). 2003. *Encyclopedia of Social Work (19th Edition)*. Washington: NASW Press
- Fine, M. J. and Carlson, C. 1992. *The handbook of family school intervention; A system perspective*. Massachusetts; Allyn and Bacon.
- Helper, J. B. 1989. Utilizing organizational theory to improve the effectiveness of implementing evaluation and intervention programs in elementary and secondary school'. *School social work journal*, 14(1): 26-35, Fall 1989
- Hepworth, D. H. 2006. *Direct Social Work Practice: Theory and Skill (7th Edition)*. Belmont: Thomson Brooks.
- Hernandez, D. M., Jozefowicz, S. & Israel, N. 2006. Services to Homeless Students and Families: The McKinney-Vento Act and Its Implications for School Social Work Practice, *Children & Schools* Vol 28, No I January 2006
- Ismail Baba. 1992. 'Social work - An effort towards building a caring society. *Caring society: Emerging issues and future directions, selected papers from the first national conference on the caring society*, K.L, Malaysia Dec. 5-6,1990. Kuala Lumpur: ISIS, Setiakawan Printers. (509-530)
- Ismail Baba. 1998. *The Need For Professionalism Of Social Work in Malaysia* Paper presented in *Advancing Social Education Workshop*, at UNIMAS, Sarawak.
- Janis, J. M. 1984. 'The schools' role in the promotion of child and community health'. *Education and urban society*, Vol. 16, No. 3, May 1984, 360-374.
- Johnson, D., Ransom, E., Packwood, T., Bowden, K., Kogan, M. 1980. *Secondary schools and welfare network*. London: George Allen and Unwin.
- Johnson, L. C. & Yanca, S. J. 2003. *Social Work Practice: A Generalist Approach (8th Edition)*. Needham Heights: Allyn and Bacon.
- Letendre, J. Henry, D. and Patrick H. T. 2003. Leader and Therapeutic Influences on Prosocial Skill Building in School-Based Groups to Prevent Aggression *Research on Social Work Practice* 2003; 13; 569
- Ma'rof, R. & Haslinda, A. 2004. *Psikologi (edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Malaysia
- Marokie, H. and Jones, H.L. 1987 'Reducing dropout rates through home-school communication', *education and urban society*, vol. 19, No.2, Feb 1987, 200-205

- Mc Affee, O. 1987. Improving homes-schools relations: implications for staff development. *Educational and Urban society*, vol 19, No. 2, Feb 1989, 185-199
- Morales, A. T. & Sheafor, B. W. 2004. *Social Work: A Profession of Many Faces* (10th Edition). Boston: Pearson Education Inc.
- Payne, M. 2005. *Modern Social Work Theory* (3rd Edition). Chicago: Lyceum Books
- Rozumah, B., Rumaya, J., Asnarulkhadi, A. S., Mansor, A. T., Amna, M. N. & Jo-Pei, T. 2003. Laporan Kajian Prosocial dan Kecemerlangan Pelajar Sekolah. Serdang; Penerbit UPM,
- Schinke, S. P., Bebel, M. Y., Mario A. O. and GILBERT J. B. 1988. *Urban Education* 1988; 22; 510 Prevention Strategies for Vulnerable Pupils: School Social Work Practices to Prevent Substance Abuse
- Sheafor, B. W. & Horejsi, C. R. 2006. *Techniques and Guidelines for Social Work Practice* (7th Edition). Boston: Pearson Education Inc
- Suppess, M. A. & Wells, C. C. 2000. *The Social Work Experience: An Introduction to Social Work & Social Welfare* (3rd Edition). Boston: Mc Graw-Hill International Inc.
- Sushama, P. C. 1992. *The Caring Society: Institutional History and Prospect Emerging issues and future directions*, ISIS Malaysia, Kuala Lumpur
- Thackeray, M.G. & Farley, O.W. 2004. *Introduction to Social Work* (eighth edd.) New Jersey : Prentice Hall,
- Thomas, A. M. 1993. 'A parent's guide to giving your children a great education: a handbook for parents with school age children'. Atlanta: Tiffany production.
- Thornton, W., Woizt E. L., Doeriner, W. 1987. *The delinquency and Justice*, New York: random House
- Vetere, R. & Carley, G. 2006. *Creating a New Model of Help in School Social Work, Children & Schools Vol 28, No3 July 2006*
- Wan Halim, O. 1992. Pelaksanaan program pembimbing rakan sebaya di sekolah-sekolah. *Wawasan Jilid 5/bil 4, 23-38*
- Whitfield, G. W., 1999. Validating School Social Work: An Evaluation of a Cognitive-Behavioral Approach to Reduce School violence, *Research on Social Work Practice* 9; 399
- Zastrow, C. 2006. *The Practice of Social Work*. Belmont: Wadsworth.
- Zastrow, C. 2007. *Introduction to Social Work and Social Welfare* (7th Edition). Belmont: Wadsworth.

PROFIL PENULIS

Amna Hj Md Noor

Pensyarah kanan

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

amna@putra.upm.edu.my